

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 11 TAHUN 2019**

**Tarikh** : **28 November 2019 (Khamis)**

**Masa** : **10.00 pagi hingga 12.50 tengahari**

**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN PENGERUSI**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa

mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 11/2019. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan November 2019. Gambar-gambar semasa aktiviti/program yang telah dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Perkongsian maklumat tentang pengalaman beliau menyertai World Summit of Local and Regional Leaders and UCLG Congress yang telah berlangsung di Durban-eThekweni, South Africa pada 11 hingga 15 November 2019.

Sidang Kemuncak Dunia ini telah dihadiri hampir 3000 wakil tempatan daripada kerajaan tempatan dan rakan kongsi serantau

yang melaksanakan program-program yang membawa kepada pencapaian Sustainable Development Goals (SDG).

Perkara yang ditekankan pada sidang kali ini merupakan perspektif yang baharu iaitu *right to cities* dan *partnership for sustainable urban development*. *Right to cities* bermakna setiap individu mempunyai hak ke atas sesuatu bandar. Perkara yang dibincangkan berkenaan *right to cities* adalah berkaitan *the future of equality* dan *the future of housing*. Pandangan dan hak semua orang perlu diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan agar tiada pihak yang terpinggir.

- v) Majlis pelancaran Program Pemantapan Kawalan Haiwan Bersama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Tahun 2019 merupakan program usahasama SUK Selangor dan MPSJ akan diadakan pada 9 Disember 2019 (Isnin) bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ USJ 7. Program ini akan dirasmikan oleh YB Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru.
- vi) Program Karnival 3W Pihak Berkuasa Tempatan Selangor, Peringkat Majlis Perbandaran Subang Jaya 2019 akan diadakan pada 15 Disember 2019 (Ahad) dengan tema Hari Kanak-kanak dan Diabetes bertempat di padang awam Puchong Indah bermula jam 7.00 pagi sehingga 5.30 petang.

- vii) Program Santai Bowling MPSJ bersama pengamal media serta agensi-agensi kerajaan akan diadakan pada 19 Disember 2019 (Khamis) bertempat di Sunway Mega Lanes, Sunway Pyramid Shopping Mall jam 11.30 pagi – 2.00 petang. Program ini merupakan platform bagi MPSJ untuk menjalin dan mengukuhkan lagi hubungan baik bersama rakan media dan agensi-agensi kerajaan.
  
- viii) Program "*Back To School*" akan dilaksanakan sendiri di peringkat Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan akan diadakan pada bulan Disember 2019. Program ini diberi keutamaan kepada penduduk Pangsapuri Angkat atau Kampung Angkat setiap JKP yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah (B40).

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 10/2019**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2019 bertarikh 30 Oktober 2019 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

#### **4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 10/2019**

Perkara berbangkit adalah seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Keputusan</b>
Para 5.6 (2)	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar MPSJ bil. 9/2019 bertarikh 21 Oktober 2019.	En Tai mencadangkan agar dilaksanakan program yang mendidik masyarakat berkaitan pembuangan sisa makanan sehingga menyebabkan wujudnya masalah anjing liar, tikus, lalat dan gagak.	Puan Yang Dipertua meminta agar cadangan tersebut dikaji serta diperincikan tentang pengukuhan dan pelaksanaannya. Perkara ini perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar MPSJ untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.  <b>Tindakan : Jabatan Kesihatan /Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</b>

## 5.0 **PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

### 5.1 **Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.17/2019 bertarikh 29 Oktober 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 5.2 **Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.18/2019 bertarikh 7 November 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan/cadangan seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 3.1 & m/s 6	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk : Pacific Valiant Sdn.Bhd.	Beliau ingin penjelasan mengenai perkara tersebut : i) Adakah mesyuarat KM Grand Dorset

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			(814872-D)	<p>pada 9 November akan melibatkan Adun dan Ahli Majlis kawasan?</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa mesyuarat KM Grand Dorset yang dijadualkan pada 9 November 2019 merupakan mesyuarat khas yang melibatkan Adun dan Ahli Majlis kawasan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
2.	Para 5.2 & m/s 48	Encik Chia Yew Ken	Kertas Kerja bil : 340/18/91/2019 Untuk : Stealth Solution Sdn. Bhd. (653711-W)	Beliau memohon agar pihak syarikat memberikan penerangan kepada ahli majlis kawasan serta

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>mengadakan pendengaran awam sebelum diberikan kelulusan pembinaan struktur telekomunikasi.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa prosedur sedia ada telah menetapkan bahawa pendengaran awam perlu dibuat sebelum permohonan menara telekomunikasi dibawa dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>



### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya bil. 11/2019 bertarikh 11 November 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan/cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 8.3 & m/s 17	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan <i>Back to School</i> bagi Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) JKP 2019.	Beliau ingin penjelasan mengenai program ini yang dikhususkan bagi pangsapuri angkat dan kampung angkat sahaja. Terdapat beberapa zon JKP yang majoriti penduduk di pangsapuri angkat terdiri daripada warga asing. Adakah pemilihan penerima boleh diperluaskan ke kawasan selain pangsapuri angkat?

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa pemilihan penerima bantuan adalah tertakluk kepada ahli majlis kawasan namun keutamaan perlu diberikan kepada penduduk tempatan yang bertaraf B40 dari pangsapuri / kampung angkat. Walau bagaimanapun, penerima bantuan boleh diperluaskan sekiranya kelayakan di kawasan tersebut tidak ramai. Mesyuarat sebulat suara bersetuju agar nama program dijenamakan kepada Jom Balik Sekolah.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<b>Pembangunan Masyarakat</b>

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2019 bertarikh 13 November 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan/cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 8.6 & m/s 23	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	Krematorium Batu 14, Puchong	Beliau meminta agar status terkini berkaitan krematorium batu 14, Puchong dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam akan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>datang.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta perkara ini dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa akan datang.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2019 bertarikh 14 November 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan/cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.4 & m/s 10	Encik Tai Cheng Heng	Kertas Cadangan Pembaharuan Skim Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan Hospital Dan Pembedahan ( <i>Inpatient</i> ) Untuk MPSJ tahun 2020	<p>Tuntutan bagi kemudahan perubatan rawatan hospital dan <i>inpatient</i> tahun 2019 telah ditamatkan kerana mencapai tahap kos siling yang ditetapkan. Beliau memohon pandangan Mesyuarat sekiranya dapat mempertimbangkan kes-kes kecemasan yang boleh dirujuk ke hospital swasta.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa, kos kemudahan perubatan rawatan hospital dan <i>inpatient</i> bagi tahun 2019 telahpun mencapai tahap siling yang telah ditetapkan. Sebarang kes kecemasan boleh dirujuk terus ke hospital kerajaan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2019 bertarikh 14 November 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.7/2019 bertarikh 15 November 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan/cadangan seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 2.1 (v) & m/s 4	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Statistik kategori aduan tertinggi mengikut Jabatan	Beliau memaklumkan berdasarkan pemerhatian aduan tertinggi adalah melibatkan lampu jalan. Beliau inginkan penjelasan apakah tindakan jangka masa pendek dan jangka

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>masa panjang yang diambil oleh MPSJ bagi menangani masalah tersebut.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa statistik yang diberikan perlu diperhalusi mengikut kejadian, lokasi dan bilangan aduan kerana terdapat kes aduan yang sama dilaporkan lebih dari sekali. Namun demikian, MPSJ sentiasa mengambil inisiatif dalam menyelesaikan masalah lampu jalan seperti peningkatan peruntukan lampu jalan bagi tahun 2020.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<b>Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</b>

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.11/2019 Bertarikh 19 November 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan/cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Mempromosikan Penggunaan Aplikasi Tempat Letak Kereta (SSDU)	Beliau mencadangkan agar MPSJ menggunakan rekaan promosi yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri kerana rekaan tersebut menggunakan ayat yang pendek dan mudah difahami.



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua mengambil maklum berkaitan cadangan tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</b></p>
2.	Para 8.7 (ii) (b) & m/s 44	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	Laporan Keputusan Temuduga bagi Pemindahan Sementara Peniaga di Tapak Uptown Taman Puchong Permai.	Beliau memohon pertimbangan terhadap Puan Rohani bt Che Soff yang tidak berjaya ditempatkan di tapak Uptown Taman Puchong Permai. Pemohon merupakan peniaga asal di tapak serta seorang ibu tunggal, penerima asnaf daripada Zakat Selangor dan mempunyai 8 orang anak.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta supaya Encik Mohd Fitri bin Jamaludin menyediakan kertas kerja permohonan pertimbangan Puan Rohani bt Che Soff untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan akan datang.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b></p>
3.	Para 8.7 & m/s 41	Encik M Anbarasan a/l Murugesu	Laporan Keputusan Temuduga bagi Pemindahan Sementara Peniaga di Tapak Uptown Taman	Beliau ingin tahu apakah status tapak Uptown Puchong Permai dan apakah perancangan MPSJ terhadap tapak tersebut?

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
			Puchong Permai	<b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa tapak Uptown Puchong Permai merupakan tanah milik kerajaan dan dizonkan sebagai kawasan lapang. MPSJ mempunyai cadangan 4 pelan perancangan terhadap tapak tersebut dan perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut sebelum keputusan perancangan dihebahkan. Jabatan Pelesenan dan Jabatan Perancangan Bandar diminta mendapatkan maklumat yang lengkap serta mencari tarikh dalam bulan Disember untuk dilaksanakan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>perbincangan untuk menetapkan keputusan tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pelesenan / Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
4.	-	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal lain : Permit Kerusi Meja	<p>Beliau mencadangkan agar MPSJ melesenkan permit kerusi meja di atas tapak parkir dan perkara ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini perlu dikaji dengan terperinci sebelum dilaporkan dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan.  <b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b>

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2019 Bertarikh 19 November 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan/cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.10 & m/s 16	Puan Aida bt Omar	Cadangan Pulangan Pembahagian Keuntungan Bersama Kepada MPSJ dan	Beliau menerangkan kepada ahli mesyuarat berkaitan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPSJ bil

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>Konsep Purnama Sdn. Bhd. (KPSB) di bawah Program Penempatan dan Pembangunan Semula Setingan di Kampung Bunga Melor, Batu 14, 47100 Puchong, Selangor.</p>	<p>11/2019 terhadap cadangan pulangan kepada MPSJ dalam bentuk kontra unit bagi projek usaha sama di antara MPSJ dan KPSB di bawah Program Penempatan dan Pembangunan Semula Setingan di Kampung Bunga Melor, Batu 14, 47100 Puchong, Selangor.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan untuk menerima cadangan pulangan yang telah dikemukakan oleh pihak syarikat dengan jumlah pulangan kontra harta sebanyak RM5,844,000.00.</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>Pihak Majlis akan menerima kenaikan jumlah tawaran sebanyak RM1,342,310.00 daripada tawaran yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 10/2019.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</b></p>

## 6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

### 6.1 Cadangan Pembahagian Zon Angkat Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 15 (Kertas Mesyuarat Bil.17/11/2019)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Tuan Setiausaha Perbandaran.

#### Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju untuk menerima pembentangan tersebut dan Encik Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim dilantik sebagai ahli majlis angkat bagi zon JKP 15. Kadar pembayaran elaun seperti berikut :

Bil	Kawasan Zon JKP 15	Elaun Pengurusan Ahli Majlis (PA, Utiliti dan sebagainya)	Elaun Tanggung Kerja (1/4 drpd Elaun Tetap)	Jumlah
1.	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Taman Perindustrian Puchong Utama</li><li>▪ Taman Perindustrian Puchong Utama Seksyen 1 Dan 2</li><li>▪ Taman Puchong Utama</li></ul>	RM 2,500.00	RM 625.00	RM 3,125.00

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan /  
Jabatan Pembangunan Masyarakat**



## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.50 tengahari.

Tarikh Disediakan : 28 November 2019

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                       | - | Pengerusi<br>Mesyuarat  |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Yang Dipertua | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "                       |
| 5.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "                       |
| 6.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim  | - | "                       |
| 7.  | Encik M Anbarasan a/l Murugesu  | - | "                       |
| 8.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin  | - | "                       |
| 9.  | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "                       |
| 10. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman   | - | "                       |
| 11. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh  | - | "                       |
| 12. | Encik Thomas Low Yew Sin  | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 13. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh       | - | " |
| 14. | Encik Chia Yew Ken                       | - | " |
| 15. | Encik Tai Cheng Heng                     | - | " |
| 16. | Encik Thamilarasu Sandayan               | - | " |
| 17. | Encik Wong Yii Seang                     | - | " |
| 18. | Puan Lee Jen Uyin                        | - | " |
| 19. | Puan Ng Seow Chen                        | - | " |
| 20. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 21. | Encik Koh Eng Kee                        | - | " |
| 22. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed          | - | " |
| 23. | Encik Thong Kim Fatt                     | - | " |

## **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
4. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
5. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
7. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Hjh Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
9. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan

10. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
  
11. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
  
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Unit Audit Dalam
  
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
  
14. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
  
15. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
  
16. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
  
17. Puan Rubaizah binti Mohamed Nor  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
  
18. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

19. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
20. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
21. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Puan Kavitha a/p Chandragesan   | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | ”           |
| 3. | Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S<br>Pengarah, Jabatan Perbendaharaan  | - |             |
| 4. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff<br>Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat        |   |             |
| 5. | Puan Nik Zalina binti Megat Muda<br>Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan |   |             |

## **URUS SETIA**

1. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan